



Ruj, Kami : PPDMSG.PB.600-2/8/1 (53)  
Tarikh : 13 Mac 2025

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
ME12Pay Digital Sdn Bhd  
2-19-01 world wide@7  
Jalan Lazuardi 7/29,seksyen 7  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**KEBENARAN MEMPROMOSI DAN MELAKSANAKAN SMART SCHOOL MANAGEMENT SYSTEM UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH MERSING.**

Dengan hormat perjumpaan dengan guru-guru media daerah Mersing pada 20 Febuari 2025 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan maklum balas yang positif daripada para peserta taklimat pihak kami dengan ini memaklumkan bahawa pihak kami tiada halangan untuk pihak tuan mempromosikan system Smart School Management seperti yang dipromosikan oleh wakil tuan Adillah Counsulting.

3. Memandangkan para guru-guru media yang hadir tidak mempunyai kuasa membuat keputusan berkaitan kewangan dan pengurusan sekolah maka pihak kami berhasrat menjemput pihak tuan memberi taklimat kepada Pengetua dan Guru Besar berkaitan perkara ini.

4. Pihak kami mencadangkan taklimat ini diadakan pada ketetapan berikut :

Tarikh : 13 Mac 2025 ( Khamis )  
Masa : 9.00am – 12.00 Tgh  
Tempat : Pejabat Pendidikan Daerah Mersing

5. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami tidak akan menanggung apa-apa kos berkaitan perjalanan dan penginapan pihak tuan. Penyertaan pihak sekolah adalah tertakluk kepada budibicara pengurusan dan kewangan pihak sekolah terlibat. Pihak kami merakamkan ucapan terima kasih kepada syarikat tuan yang sudi membantu sekolah-sekolah di Daerah Mersing di dalam penggunaan aplikasi pengurusan digital dan diharapkan Daerah Mersing dapat setanding dengan daerah-daerah lain di dalam mengaplikasikan teknologi digital di dalam pengurusan sekolah.

6. Sekiranya pihak tuan memerlukan sebarang bantuan dan pertanyaan sila berhubung dengan pegawai kami En Nizam bin Ngatman dan En Farid bin Ithnin Penolong PPD Sumber dan Teknologi Pendidikan Pejabat Pendidikan Daerah Mersing di talian 07 – 799 1269.

Sekian, terima kasih

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



.....  
**(NORAZMI BIN MOHD NOR)**  
Timbalan PPD Perancangan  
b/p Pegawai Pendidikan Daerah Mersing  
Pejabat Pendidikan Daerah Mersing